

Tabung Menuju ke Syurga

Inisiatif SK Batu 9 terap nilai murni

Ahli Parlimen Tanjong Karang, Tan Sri Noh Omar memuji pendekatan Sekolah Kebangsaan (SK) Batu 9, Jalan Bomba, di sini yang memupuk amalan menabung dalam kalangan muridnya.

Menurutnya, inisiatif sekolah mewujudkan Tabung Menuju ke Syurga ini bukan sahaja dapat menerapkan nilai murni bahkan mengajar anak murid untuk menabung dalam usia muda.

“Saya puji pendekatan kempen ini yang difahamkan sudah dilaksanakan untuk tahun kedua, bukan senang nak pupuk amalan menabung ini jika tak dimulakan dari awal.

“Budaya menabung ini wajar dimulakan dari peringkat sekolah rendah lagi dan ibu bapa perlu bersama menanam minat untuk menabung seiring usaha kerajaan,” katanya.

Noh yang juga Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu berkata, kerajaan sentiasa berkempen untuk menggalakkan ibu bapa menyertai Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i).



Inisiatif sekolah mewujudkan Tabung Menuju ke Syurga ini juga untuk mendidik anak murid amalan menabung dalam usia muda

“Bagi menggalakkan penyimpanan, kerajaan turut menyumbang RM500 kepada ibu bapa yang membuka akaun SSPN-i dengan simpanan permulaan RM500 untuk anak berusia tujuh tahun sehingga 12 tahun.

“Bukan itu sahaja, kerajaan turut memperuntukkan RM200 untuk Skim ADAM50 yang membolehkan anak kelahiran 2018 sehingga 2022 nanti untuk simpanan Amanah Saham Bumiputera (ASB),” katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Batu 9, Jalan Bomba yang turut dihadiri Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Selangor, Marpuaton Sastero.

Dalam mesyuarat itu, Noh turut meluluskan peruntukan berjumlah RM200,000 untuk



Noh (tengah) menyempurnakan simbolik Majlis Pelancaran Tabung Menuju ke Syurga SK Batu 9, Jalan Bomba.

prasarana sekolah itu dan lagi RM25,000 untuk tabung PIBG dan kelab guru sekolah.

Sebahagian ibu menerima bantuan awal persekolahan RM100 yang disampaikan Noh.